

**PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN PERSEMBAHAN BANGSAWAN DI
SARAWAK, 1914 – 2004**

oleh

NUR AFIFAH VANITHA BINTI ABDULLAH

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2009

PENGHARGAAN

Syukur ke hadrat Allah s.w.t, dengan limpah kurnia-Nya penyelidikan dan penulisan *Bangsawan di Sarawak* ini dapat disempurnakan.

Terlebih dahulu, saya ingin merakamkan jutaan rasa terima kasih kepada pihak KPSU, DBP Sarawak, Jabatan Kebudayaan Negeri Sarawak, MANTERA dan penggiat serta peminat teater *Bangsawan* yang tidak jemu-jemu memberi pelbagai informasi berkenaan dengan subjek kajian. Helaian kertas yang terhad ini tidak memadai untuk menurunkan setiap satu nama individu yang telah membantu dalam penyempurnaan kajian ini. Terima kasih sekali lagi diucapkan.

Saya juga amat terhutang budi kepada pihak JPA dan UNIMAS atas anugerah biasiswa Doktor Falsafah yang diberikan daripada Disember 2004 hingga Disember 2008. Saya turut terhutang budi kepada penyelia utama, Prof. Madya Dr. Abdul Samat Salleh, yang sentiasa mengambil berat terhadap perkembangan disertasi ini. Segala sokongan dan komen konstruktif yang dihulurkan sepanjang pengajian ini amat saya hargai. Saya juga ingin merakamkan penghargaan kepada penyelia bersama, Prof. Dr Tan Sooi Beng, atas pandangan yang beliau berikan. Didikan yang saya terima daripada kalian berdua akan dijadikan panduan untuk menyelia para sarjana teater di masa-masa akan datang.

Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada sahabat handai dan keluarga yang banyak mengambil berat terhadap perkembangan pengajian saya. Penghargaan istimewa buat Dr. Goona dan Kak Kalavathy sekeluarga, atas sokongan dalam pelbagai bentuk yang dihulurkan sepanjang empat tahun pengajian saya di USM. Buat kedua-dua cahaya mata, Yasmeen dan Yaseen, terima kasih kerana memahami kesibukan dan tanggungjawab Mama sebagai seorang pelajar. Akhir sekali saya ingin mengalungkan penghargaan yang tidak terhingga kepada suami, Faisal, yang sentiasa memberi motivasi, pandangan, teguran dan nasihat tanpa jemu kepada diri saya sepanjang proses pencarian ilmu ini.

JADUAL KANDUNGAN

	Muka surat
PENGHARGAAN	ii
JADUAL KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	viii
SENARAI RAJAH	viii
SENARAI GAMBAR	viii
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI LAMPIRAN	xii
ABSTRAK	xiv
ABSTRACT	xvi
BAB SATU: PENGENALAN	
1.1 Pengkajian	1
1.2 Skop Kajian	5
1.3 Kerangka Konsep	7
1.4 Hipotesis	8
1.5 Objektif Kajian	10
1.6 Kaedah Penyelidikan	11
1.5.1 Temu Bual	11
1.5.2 <i>Content Analysis</i>	16
1.7 Kepentingan Kajian	17
1.8 Gelintiran Kesusasteraan	18
1.9 Organisasi Tesis	29
BAB DUA: “TEORI PERSEMBAHAN” RICHARD SCHECHNER	
2.1 Latar Belakang “Teori Persembahan”	33
2.2 Pengaplikasian “Teori Persembahan”	37
2.3 Kesimpulan	45
BAB TIGA: PERSEMBAHAN “BANGSAWAN TANAH MELAYU”	
3.1 Pengenalan	47

3.2	Perkembangan Bangsawan Di Tanah Melayu: Sepintas Lalu	48
3.3	Latar Belakang “Bangsawan Tanah Melayu” Di Sarawak	52
3.3.1	Faktor Persekitaran dan Kemasukan Kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura	52
3.3.2	Kelahiran Kumpulan Bangsawan Tempatan Bertauke Luar	57
3.4	<i>Production Mode</i> Persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”	59
3.4.1	Penganjur	60
3.4.2	Kewangan	62
3.4.3	Tenaga Produksi	63
3.4.4	Gaya Pengurusan	67
3.4.5	Tujuan Penganjuran	70
3.5	Persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”	71
3.5.1	Proses Pra Persembahan	72
3.5.2	Proses Berkumpul	83
3.5.3	Proses Pementasan	89
3.5.4	Proses Bersurai	102
3.6	Kejatuhan Persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”	104
3.7	Kesimpulan	107
BAB EMPAT: PERSEMBAHAN “BANGSAWAN KAMPUNG”		
4.1	Pengenalan	112
4.2	Latar Belakang “Bangsawan Kampung” Di Sarawak	113
4.2.1	Faktor Persekitaran yang Mempengaruhi Kegemilangan “Bangsawan Kampung”	114
4.2.2	Pertubuhan-Pertubuhan Sosial yang Terlibat dalam Persembahan “Bangsawan Kampung”	116
4.3	<i>Production Mode</i> “Bangsawan Kampung”	117
4.3.1	Penganjur	118

4.3.2	Kewangan	118
4.3.3	Tenaga Produksi	120
4.3.4	Gaya Pengurusan	122
4.3.5	Tujuan Penganjuran	126
4.4	Persembahan “Bangsawan Kampung”	130
4.4.1	Proses Pra Persembahan	130
4.4.2	Proses Berkumpul	141
4.4.3	Proses Pementasan	146
4.4.4	Proses Bersurai	169
4.5	Kejatuhan Persembahan “Bangsawan Kampung” Di Sarawak	171
4.6	Kesimpulan	176

BAB LIMA: PERSEMBAHAN BANGSAWAN 1980-AN

5.1	Pengenalan	181
5.2	Kelahiran Semula Bangsawan	182
5.3	<i>Production Mode</i> Persembahan Bangsawan 1980-an	186
5.3.1	Penganjur	187
5.3.2	Kewangan	187
5.3.3	Tenaga Produksi	188
5.3.4	Gaya Pengurusan	190
5.3.5	Tujuan Penganjuran	193
5.4	Persembahan Bangsawan 1980-an	194
5.4.1	Proses Pra Persembahan	195
5.4.2	Proses Berkumpul	205
5.4.3	Proses Pementasan	212
5.4.4	Proses Bersurai	226

5.5	Kejatuhan Bangsawan 1980-an	227
5.6	Kesimpulan	230

BAB ENAM: PERSEMBAHAN “BANGSAWAN SARAWAK”

6.1	Pengenalan	234
6.2	Kemunculan “Bangsawan Sarawak”	235
6.3	<i>Production Mode</i> “Bangsawan Sarawak”	240
6.3.1	Penganjur	240
6.3.2	Kewangan	242
6.3.3	Tenaga Produksi	243
6.3.4	Gaya Pengurusan	246
6.3.5	Tujuan Penganjuran	248
6.4	Persembahan “Bangsawan Sarawak”	251
6.4.1	Proses Pra Persembahan	251
6.4.2	Proses Berkumpul	267
6.4.3	Proses Pementasan	270
6.4.4	Proses Bersurai	275
6.5	Kesimpulan	277

BAB TUJUH: KESIMPULAN

7.1	Rumusan	282
7.2	Dapatan Kajian	286
7.3	Implikasi Terhadap “Teori Persembahan”	291
7.4	Cadangan Kajian Akan Datang	293

SENARAI RUJUKAN 295

LAMPIRAN

LAMPIRAN 1 MINIT MESYUARAT ACARA SAMBUTAN
KERAJAAN NEGERI SARAWAK

LAMPIRAN 2 JAWATANKUASA BANGSAWAN 1980-an

LAMPIRAN 3 PEMBAYARAN KEPADA AHLI JAWATANKUASA
KECIL PRODUKSI BANGSAWAN

LAMPIRAN 4 JUMLAH PERBELANJAAN BAGI BANGSAWAN
1980-an

LAMPIRAN 5 ATURCARA ACARA LAKONAN, *EXTRA TURN*
DAN MUZIK BANGSAWAN 1980-AN

LAMPIRAN 6 PENETAPAN TEMA BANGSAWAN OLEH
PENGANJUR

LAMPIRAN 7 MOTIF MASYARAKAT TEMPATAN SARAWAK
DAN PENERAPANNYA DALAM SET PERSEMBAHAN
BANGSAWAN

LAMPIRAN 8 KERTAS KONSEP PERSEMBAHAN “BANGSAWAN
SARAWAK”

LAMPIRAN 9 AHLI JAWATANKUASA MANTERA 2002-2003

LAMPIRAN 10 SEBAHAGIAN DARIPADA SENARAI TENAGA
PRODUKSI “BANGSAWAN SARAWAK”

SENARAI JADUAL

	Muka surat
1.1 Soalan Umum yang Dikemukakan kepada Responden	14
3.1 Pendapatan Harian Tenaga Produksi KBTMS dan KBTBL pada 1930-an	66
6.1 Jadual Pembayaran Gaji Tenaga Produksi Pementasan “Bangsawan Sarawak”	245

SENARAI RAJAH

	Muka surat
2.1 <i>Nest</i>	41

SENARAI GAMBAR

	Muka surat
3.1 Ahli-ahli MUC, Sibn, dengan Sebahagian Ahli Kumpulan Stars of Singapore.	56
3.2 Iklan Kumpulan Stars of Singapore 1954	65
3.3 Iklan Pementasan Sempena Hari Raya Haji	77
3.4 Publisiti “Bangsawan Tanah Melayu”	79
3.5 Tempahan Tiket	81
3.6 Iklan Dua Pementasan Dalam Sehari	85
3.7 Tarian Menora oleh Osman Gumanti dan Supinah dalam <i>Extra Turn</i> Rombongan Kasma Booty (1953) di Kuching.	98
4.1 Tenaga Produksi “Bangsawan Kampung” MBHT	122

4.2	Sesi Pembelajaran di Taman Pelajaran MBHT pada 1950-an	128
4.3	Pentas Sementara “Bangsawan Kampung” di Sibul	132
4.4	Iklan “Bangsawan Kampung” dalam Akhbar Tempatan	137
4.5	Aktiviti Latihan Tarian <i>Extra Turn</i>	140
4.6	Sebahagian daripada Penonton <i>Integral</i> Menyaksikan Acara <i>Extra Turn</i> MBHT pada 1950-an	145
4.7	Kemeriahan Suasana Pementasan “Bangsawan Kampung”	147
4.8	Bangsawan <i>Empat Buah Peti Besi</i> arahan Amin Jenal, Melati Puspa Delima Sendiwara, Sibul.	156
4.9	Acara Tarian dalam <i>Extra Turn</i> “Bangsawan Kampung” anjuran BGS pada 1950-an	162
4.10	Pertandingan Ratu Fesyen dalam Acara <i>Extra Turn</i> Anjuran Melati Puspa Delima Sendiwara, Sibul, pada 1950-an.	164
4.11	Ayan Sulaiman dalam Pertandingan Keroncong Acara <i>Extra Turn</i> Anjuran Melati Delima Sendiwara, Sibul, pada 1950-an	165
4.12	Iklan Pertandingan Nyanyian di MBHT	166
4.13	Ucapan Penutup Oleh Ketua Persembahan Bangsawan Kampung Sambir, Asia Jaya Kuching (1960-an)	170
5.1	Tenaga Produksi Bangsawan Maharaja Jin Bukit Siul dan Ahli Jawatankuasa Perayaan Hari Petra Jaya 1982	183
5.2	Rencana tentang Persembahan Bangsawan Bersempena Sambutan Ulangtahun TYT Sarawak pada 1985	199
5.3	Sesi Latihan Lakonan Peserta Kursus Intensif Bangsawan Disember 1985	203
5.4	Sebahagian Penonton <i>Integral</i> dan <i>Accidental</i> Semasa Pementasan Bangsawan Bersempena dengan Ulangtahun SABERKAS Ke-15 (Mac 1988)	210
5.5	Penerapan Motif Tempatan pada Kelengkapan Pentas Bangsawan 1980-an	219
5.6	Contoh Motif Tempatan di Rumah Panjang	220

5.7	Acara Nyanyian Nona-Nona oleh Artis KPS Bersempena Pementasan Bangsawan Maharaja Jin Bukit Siul 1982	222
6.1	Iklan Persembahan BSCSM	260
6.2	Rencana Tentang Persembahan BSCSM	261
6.3	Gambar Kenangan Tenaga Produksi BSCSM Dengan Ketua Menteri Sarawak Sebagai Tetamu Kehormat	276

SENARAI SINGKATAN

ABAS	Persatuan Astana Bintawa Angkatan Satu
BARJASA	Parti Anak Jati Sarawak
BGS	Boyan, Gersik and Surabaya Sports Club
BSDM	Badan Seni Drama Moden
BSCSM	“Bangsawan Sarawak <i>Cucu Syarip Masahor</i> ”
CSM	Skrip Bangsawan <i>Cucu Syarip Masahor</i>
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
FSGK	Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif
GK2BMS	Gabungan Kelab-Kelab Belia Melayu Sarawak
JKBS	Jabatan Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sarawak
JKRS	Jabatan Kerja Raya Negeri Sarawak
KBTMS	Kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura
KBTBL	Kumpulan Bangsawan Tempatan Bertauke Luar
KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
KKBSNS	Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan Negeri Sarawak
KKKP	Kementerian, Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia
KPS	Kementerian Pembangunan Sosial Negeri Sarawak
KPSU	Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi
LKK/PKMS	Lembaga Kebudayaan Kesenian, Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
MANTERA	Medan Teater Sarawak
MBHT	Masjid, Bintangor, Haji Taha Dramatic Party
MHKH	Melati Hadrah Kampung Hilir, Sibü
MPBL	Maktab Perguruan Batu Lintang Kuching
MPDS	Melati Puspa Delima Sendiwara
MTNS	Majlis Teater Negeri Sarawak
MUC	Malay Union Club, Kampung Nyabor, Sibü
NGO	Non Governmental Organization
PANAS	Parti Negara Sarawak
PKMS	Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak
PMS	Persatuan Melayu Sarawak
RUSDA	Rumpun Seni Drama
SABERKAS	Pertubuhan Belia Kebangsaan Bersatu Sarawak
SBM	Sri Bangsawan Muda
SEDC	Sarawak Economic Development Cooperation
SEMARAK	Setia Bersama Rakyat
SDPKS	Sandiwara Dramatic Party, Kampung Satok no.3 and no.4
SPKHS	Sandiwara Pemuda Kampong Hilir Simanggang
SUPP	Sarawak United People’s Party
TAZA/MPBL	Dewan Tun Ahmad Zaidi Aduce, Maktab Perguruan Batu Lintang, Kuching
TEMA	Majlis Teater Kebangsaan Malaysia
TPS	Kampung Tupong and Panglima Seman Sports Club
UNIMAS	Universiti Malaysia Sarawak

SENARAI LAMPIRAN

- 1.1 MINIT MESYUARAT ACARA SAMBUTAN
ULANGTAHUN SABERKAS KE-15, PADA MAC 1988
- 1.2 MINIT MESYUARAT ACARA SAMBUTAN SEMARAK
JULAI 1988
- 1.3 MINIT MESYUARAT ACARA SAMBUTAN PESTA
KUCHING OGOS 1989
- 2.1 AHLI JAWATANKUASA PERSEMBAHAN
BANGSAWAN SEMPENA KURSUS INTENSIF
BANGSAWAN, PADA DISEMBER 1985
- 2.2 AHLI JAWATANKUASA UTAMA DAN AHLI
JAWATANKUASA KECIL PRODUKSI BANGSAWAN
BAGI PERSEMBAHAN BANGSAWAN BERGERAK SIRI
I, 1986.
- 3.1 BAYARAN SAGUHATI KEPADA AHLI
JAWATANKUASA KECIL PRODUKSI BANGSAWAN
SEMPENA ACARA SEMARAK 1988
- 3.2 BAYARAN SAGUHATI KEPADA AHLI
JAWATANKUASA KECIL PRODUKSI BANGSAWAN
SEMPENA SAMBUTAN PESTA KUCHING 1989
- 4.1 JUMLAH PERBELANJAAN BAGI PERSEMBAHAN
BANGSAWAN SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN
SABERKAS KE-15, PADA MAC 1988
- 4.2 JUMLAH PERBELANJAAN BAGI PERSEMBAHAN
BANGSAWAN SEMARAK JULAI 1988
- 5.1 ATURCARA ACARA LAKONAN, *EXTRA TURN* DAN
MUZIK SEMPENA ULANGTAHUN SABERKAS KE-15,
PADA MAC 1988
- 6.1 PENETAPAN TEMA PERSEMBAHAN BANGSAWAN
OLEH PENGANJUR PERSEMBAHAN BANGSAWAN
SEMPENA SAMBUTAN ULANGTAHUN SABERKAS
KE-15, PADA MAC 1988
- 7.1 MOTIF KALONG KELAWIT KELAWIT
- 7.2 MOTIF UKIR EHING NENG
- 7.3 PENERAPAN MOTIF TEMPATAN DALAM SET
BANGSAWAN RAJA BANGSAWAN LAKSAMANA MATI DI

BUNUH 1986

- 7.4 PENERAPAN MOTIF TEMPATAN DALAM SET
BANGSAWAN *DESA*, 1988
- 8.1 KERTAS KONSEP PERSEMBAHAN ‘BANGSAWAN
SARAWAK’
- 9.1 AHLI JAWATANKUASA MANTERA 2002-2003
- 10.1 SEBAHAGIAN DARIPADA SENARAI TENAGA
PRODUKSI ‘BANGSAWAN SARAWAK’

PERKEMBANGAN DAN PERUBAHAN PERSEMBAHAN BANGSAWAN DI SARAWAK, 1914-2004

ABSTRAK

Tesis ini mengkaji perkembangan dan perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak sejak tahun 1914 hingga 2004 dengan mengaplikasi “teori persembahan” sebagai kerangka analisis. Secara umum, “teori persembahan” memberi fokus kepada aspek persembahan sesuatu aktiviti. Konsep faktor persekitaran, *production mode* dan proses persembahan dalam teori ini diaplikasi untuk menerangkan fenomena teater Bangsawan di Sarawak.

Kajian ini mengenalpasti empat fasa persembahan Bangsawan di Sarawak, iaitu “Bangsawan Tanah Melayu”, “Bangsawan Kampung”, Bangsawan 1980-an dan “Bangsawan Sarawak”. Setiap fasa Bangsawan ini dibincangkan dalam konteks tiga komponen penting persembahan iaitu faktor persekitaran, *production mode* dan proses persembahan. Hasil analisis menunjukkan bahawa faktor persekitaran memainkan peranan penting dalam mempengaruhi *production mode* dan proses persembahan yang kemudiannya mengakibatkan jatuh bangunnya Bangsawan di Sarawak. Penemuan ini membuktikan bahawa Bangsawan yang muncul atas desakan faktor persekitaran mengalami perubahan yang lebih ketara dan memiliki jangka hayat yang lebih lama berbanding faktor dalaman. Fenomena ini berlaku kerana teater ini dijadikan agen budaya bagi mencapai agenda tertentu. Manakala pengaruh faktor dalaman pula hanya memberi kesan yang minima terhadap persembahan Bangsawan. Penelitian terhadap *production mode* pula membuktikan bahawa setiap elemennya (penganjur, kewangan, tenaga produksi, gaya pengurusan dan tujuan penganjuran) saling bergantung antara satu sama lain dalam mempengaruhi proses persembahan Bangsawan. Walau

bagaimanapun, di sebalik perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak, struktur dan bentuk asas Bangsawan yang asli (“Bangsawan Tanah Melayu”) tetap dikekalkan. Dengan kata lain, perubahan yang berlaku terhadap persembahan Bangsawan di Sarawak adalah lebih bersifat kosmetik dan luaran sahaja manakala bentuk asas teater ini masih tetap sama.

DEVELOPMENT AND CHANGE IN THE *BANGSAWAN* PERFORMANCE IN SARAWAK, 1914-2004

ABSTRACT

This thesis analyzes the change in *Bangsawan* performance in Sarawak from 1914 to 2004 by applying the “performance theory” as its analytical framework. In general, “performance theory” focuses on performance aspects of an activity. External factors, production mode and performance process are three concepts of “performance theory” that are applied in this study to explain the phenomena of *Bangsawan* in Sarawak.

This study has identified four phases of *Bangsawan* performances in Sarawak, namely “*Bangsawan Tanah Melayu*”, “*Bangsawan Kampung*”, *Bangsawan* in the 1980s and “*Bangsawan Sarawak*”. Each phase of change in *Bangsawan* is discussed within the context of three fundamental aspects of the performance, namely external factors, production mode and performance process. This analysis proves that external factors play an important role in generating change in the production mode and performance process of *Bangsawan* which consequently negates its rise and fall in Sarawak. *Bangsawan* which is constructed by external factors tend to have a high degree of change as compared to the one constructed by internal factors because the former is used as a cultural agent to achieve certain agendas. Another important finding in this thesis is the inter-dependent of *Bangsawan*’s production mode in affecting change in its performance process. Although *Bangsawan* performance has undergone a series of change, this change is perceived to be cosmetic with the basic structure and form of the theatre being maintained.

BAB SATU

PENGENALAN

1.1 PENGKAJIAN

Pada sekitar tahun 1914, sebuah kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu yang dikenali sebagai Malay Opera of Malacca di bawah pimpinan Wan Yet Al-Kaf datang ke Sarawak untuk mempersembahkan teater Bangsawan kepada penduduk tempatan (Nur Afifah 2003, ms. 745). Lebih sembilan dekad kemudian, Medan Teater Sarawak (dirujuk sebagai MANTERA selepas ini) mendakwa teater Bangsawan dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak berbeza daripada Bangsawan yang dibawa dari Tanah Melayu dan Singapura. Bentuk Bangsawan ini diberi nama “Bangsawan Sarawak” oleh MANTERA. Ia dimanifestasikan oleh MANTERA melalui pementasan yang bertajuk *Bangsawan Sarawak: Cucu Syarip Masahor* (dirujuk sebagai BSCSM selepas ini) pada Januari 2004. Berdasarkan transformasi yang dilalui persembahan Bangsawan di Sarawak, tesis ini mengkaji perkembangan dan perubahan yang berlaku terhadap teater ini sejak tahun 1914 hingga 2004 dengan mengaplikasi “teori persembahan” (*performance theory*) sebagai kerangka analisis.

Bangsawan adalah teater Melayu pertama yang diusahakan secara profesional untuk tujuan komersial dan hiburan di Tanah Melayu pada lewat abad ke-19 (Rahmah 1975, ms. 22; Tan 1993, ms. 18). Kelainan sifat dan bentuk Bangsawan berbanding teater tradisional yang lain adalah antara faktor yang mendorong masyarakat Tanah Melayu dan Singapura tertarik untuk menonton dan kemudian terlibat dalamnya. Ekoran itu, banyak kumpulan Bangsawan yang bermodal besar dan kecil ditubuhkan di kedua-

dua negeri ini sekitar awal abad ke-20 (Rahmah 1975, ms. 92). Kebanyakan kumpulan Bangsawan bermodal besar menyeberang perairan Selat Melaka dan Laut China Selatan untuk mencari pasaran baru lantaran persaingan sengit dalam kalangan kumpulan-kumpulan Bangsawan ini (Tan 1993, ms. 18). Pada ketika itu, Sarawak yang stabil aspek politik, ekonomi dan sosialnya, merupakan antara lokasi terdekat yang menjanjikan peluang ekonomi bagi kumpulan-kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura (Nur Afifah 2003, ms. 745). Sejak kedatangan Bangsawan ke Sarawak, teater ini telah melalui tiga fasa perubahan, iaitu “Bangsawan Tanah Melayu” kepada “Bangsawan Kampung”; “Bangsawan Kampung” kepada Bangsawan 1980-an; dan akhir sekali persembahan Bangsawan 1980-an kepada “Bangsawan Sarawak”.

Persembahan Bangsawan yang diperkenalkan oleh kumpulan-kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura di Sarawak pada awal kurun ke-20 dikenali sebagai “Bangsawan Tanah Melayu”¹. Keunikan aspek pementasan “Bangsawan Tanah Melayu” seperti cerita, kostum, tasmat, muzik, peralatan pentas, dan pelakon, penari dan penyanyi wanita, menjadi antara faktor yang mendorong kemasyhuran teater ini di Sarawak sejak 1914 hingga lewat 1930-an. Persembahan Bangsawan oleh kumpulan-kumpulan dari Tanah Melayu dan Singapura ini merupakan asas kepada persembahan-persembahan Bangsawan yang menyusulnya selepas itu.

Sekitar 1930-an, persembahan Bangsawan mula mengalami perubahan apabila pertubuhan-pertubuhan sosial yang terdapat di kampung-kampung Melayu menganjurkan teater Bangsawan secara amatur, setempat dan bermusim. Pada waktu itu, Bangsawan diangkat sebagai agen budaya untuk mencapai matlamat perjuangan pertubuhan-pertubuhan sosial Melayu, iaitu mempertingkatkan martabat masyarakat

Melayu. Meskipun pertubuhan-pertubuhan sosial ini mengekalkan nilai komersial teater ini, ahli-ahlinya hanya terlibat secara sambilan dan sukarela sahaja. Ini menyebabkan persembahan *Bangsawan* hanya diadakan pada hari-hari perayaan dan cuti sekolah tanpa bergerak dari satu tempat ke satu tempat yang lain.

Pertubuhan-pertubuhan sosial Melayu yang menganjurkan persembahan *Bangsawan* melakukannya atas tujuan sosial semata-mata. Keuntungan yang diperolehi daripada persembahan *Bangsawan* ini disalurkan kepada masyarakat setempat terutamanya dalam usaha mempertingkatkan tahap pendidikan orang Melayu. Perubahan-perubahan ini menyebabkan kelahiran “*Bangsawan Kampung*” dalam kalangan masyarakat Melayu Sarawak. Penganjuran persembahan “*Bangsawan Kampung*” giat diadakan di kampung-kampung Melayu di seluruh Sarawak sejak pertengahan 1930-an hingga lewat 1960-an.

Persembahan *Bangsawan* di Sarawak mengalami proses transformasi yang kedua pada awal 1980-an apabila Kerajaan Negeri dan Kerajaan Pusat terlibat dalam usaha pementasan teater ini (Tan 1993, ms. 178). Selari dengan Dasar Kebudayaan Kebangsaan, persembahan *Bangsawan* diangkat sebagai salah satu kesenian tradisional Melayu yang dianjurkan secara percuma bersempena majlis meraikan hari kebesaran negeri dan nasional. Tujuan utama persembahan *Bangsawan*, pada waktu itu, ialah untuk mencapai perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum. Penganjur, kaedah pelaksanaan dan tujuan penganjuran *Bangsawan* yang berubah pada era ini memberi kesan terhadap persembahannya sehingga melahirkan persembahan *Bangsawan* yang dikenali sebagai *Bangsawan 1980-an*.

Persembahan Bangsawan di Sarawak melalui transformasi yang ketiga apabila perkumpulan teater tempatan, MANTERA, mendakwa persembahan Bangsawan dalam kalangan masyarakat Sarawak berbeza daripada persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”. MANTERA mengesahkan bahawa kelainan Bangsawan di Sarawak adalah dari segi pelbagai bentuk cerita yang dipentaskan, kerencaman pengisian *extra turn* yang dipersembahkan dan kehadiran tirai latar bertulis perkataan “*EXTRA TURN*” yang digunakan semasa pementasan (Salbiah Nawi 2004b; Awang Bujang 2006c; Radin 30 Januari 2004, ms. 8). Berlandaskan kepercayaan ini, MANTERA mengusahakan pementasan teater yang diberi nama “Bangsawan Sarawak”. Persembahan “Bangsawan Sarawak” ini dimanifestasikan dalam pementasan teks *Cucu Syarip Masahor* (dirujuk sebagai *CSM* selepas ini) yang diusahakan bersama oleh MANTERA dan Kerajaan Negeri pada Januari 2004.

Berlainan dengan punca perubahan persembahan Bangsawan sebelum ini, perubahan yang berlaku terhadap Bangsawan 2004 adalah didorong oleh faktor dalaman iaitu perkembangan dan penggiat teater tempatan. Walaupun penganjur dan tujuan penganjuran “Bangsawan Sarawak” adalah sama dengan Bangsawan 1980-an, peranan yang dimainkan MANTERA dalam pementasan Bangsawan 2004 yang berbayar besar memberi kesan mendalam terhadap persembahannya. Penelitian terhadap persembahan “Bangsawan Sarawak” ini akan menyediakan ruang untuk membuat perbandingan terhadap persembahan Bangsawan sebelumnya yang terkesan oleh faktor persekitaran.

Untuk meneliti perkembangan dan perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak sejak 1914 hingga 2004, “teori persembahan” yang dipopularkan oleh Richard Schechner diaplikasi dalam kajian ini. Persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”,

persembahan “Bangsawan Kampung”, persembahan Bangsawan 1980-an dan persembahan “Bangsawan Sarawak” diteliti satu persatu menggunakan “teori persembahan” ini. Faktor persekitaran, *production mode* dan *nest* adalah tiga konsep dalam “teori persembahan” yang akan dijadikan alat analisis untuk mengupas perkembangan dan perubahan persembahan “Bangsawan Tanah Melayu” kepada persembahan “Bangsawan Sarawak”.

1.2 SKOP KAJIAN

Kajian ini merangkumi analisis mengenai persembahan Bangsawan di Sarawak dengan memberi tumpuan khusus terhadap pementasannya di sekitar Kuching dan Sibu. Sebagai pusat pemerintahan dan pintu masuk utama negeri Sarawak sejak 1827, Kuching adalah destinasi pertama kumpulan-kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura. Lantaran itu, Kuching menjadi pusat perkembangan persembahan Bangsawan di Sarawak sebelum ianya dipentaskan di bahagian-bahagian lain di negeri ini. Manakala Sibu yang merupakan bandar kedua terbesar di Sarawak dan pelabuhan utama bagi lembah Rajang adalah destinasi kedua yang popular dalam kalangan kumpulan-kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura. Kedua-dua bandar penting di Sarawak ini mencatatkan bilangan dan kekerapan persembahan Bangsawan tertinggi berbanding kawasan-kawasan lain sejak awal kedatangan teater ini hingga tahun 1970-an. Dalam jangkamasa tersebut, kumpulan-kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura seperti Malay Opera of Malacca (1914), British Malaya Opera (1931), Noran Opera of Malacca (1938), Seri Noran Opera (1950) dan Rombongan Kasma Booty (1953) mengadakan persembahan di kebanyakan penempatan di sepanjang laluan sistem pengangkutan utama (air) Sarawak, terutamanya

Kuching dan Sibul. Lazimnya Bangsawan dipentaskan sekitar 10 hingga 12 minggu di Kuching, 5 hingga 7 minggu di Sibul, dan 2 hingga 3 minggu di lokasi-lokasi lain (Sarawak Tribune September-Disember 1950; Saniah Han 2002; Yusuf Mahmud 2004; Mathan Hussain 2004; Ahmad Salleh 2004; Laila Tambi 2005; Yusuf Marais 2007; Ahmad Philip Adams 2007). Bagi persembahan “Bangsawan Kampung” pula, Kuching dan Sibul terus mencatatkan kekerapan musim penganjuran dan bilangan persembahan yang tertinggi di Sarawak sehingga lewat 1960-an. Bilangan pertubuhan sosial kampung Melayu di Kuching dan Sibul yang terlibat secara aktif dalam kegiatan “Bangsawan Kampung” juga tidak dapat ditandingi oleh lokasi-lokasi lain. Di bandar Kuching sahaja, umpamanya, terdapat lebih kurang empat buah pertubuhan sosial kampung (MBHT, BGS, ABAS dan TPS) yang aktif mengadakan persembahan Bangsawan, manakala di Sibul terdapat dua buah (MUC dan MPDS). Bilangan ini ternyata mengatasi kebanyakan perkampungan Melayu lain di Sarawak yang hanya terdapat sebuah pertubuhan sosial atau jawatankuasa kerja sementara yang terlibat dalam penganjuran Bangsawan. Selain itu, pertubuhan-pertubuhan sosial di Kuching dan Sibul juga lebih kerap mengadakan persembahan Bangsawan bersempena hari-hari kebesaran dan cuti sekolah berbanding pertubuhan-pertubuhan sosial atau jawatankuasa kerja Bangsawan sementara di kawasan-kawasan lain.

Namun selepas 1980-an, persembahan Bangsawan hanya tertumpu di sekitar kawasan Kuching sahaja. Persembahan Bangsawan yang kurang meluas ini disebabkan masalah kos persembahan yang tinggi yang tidak mampu ditanggung oleh pihak kerajaan yang bertindak sebagai penganjur ketika itu. Walaupun penganjur pada mulanya merancang untuk mementaskan Bangsawan di bandar-bandar utama di seluruh

negeri, rancangan tersebut tidak mampu direalisasikan (Awang Bujang 2006a; Kartini Nawi 15 Julai 1986; ms. 8).

Kajian Bangsawan di Sarawak dihadkan jangkamasa kajiannya daripada tahun 1914 hingga 2004. Tahun 1914 adalah dipercayai sebagai tarikh terawal persembahan Bangsawan dianjurkan di Sarawak, justeru tahun tersebut dipilih menjadi tempoh permulaan kajian ini. Manakala persembahan BSCSM pada Januari 2004 merupakan pementasan terakhir teater ini di Sarawak maka tahun ini menjadi tempoh penutup kajian. Dengan hal yang demikian, jangkamasa kajian ini merangkumi tempoh lebih kurang 84 tahun.

1.3 KERANGKA KONSEP

Menurut Schechner “teori persembahan” dapat diaplikasi sebagai alat analisis untuk meneliti semua jenis fenomena persembahan seperti klasikal, moden, tekstual, non-tekstual, dramatik, teaterikal, permainan dan ritual (Schechner 1985, ms. 26). Kajian ini mengaplikasi kerangka “teori persembahan” untuk meneliti proses persembahan Bangsawan secara total di Sarawak daripada tahun 1914 hingga 2004. Konsep faktor persekitaran, *production mode* dan *nest* yang dikemukakan dalam teori ini dipilih untuk menerangkan fenomena perkembangan dan perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak. Ketiga-tiga konsep ini akan dijelaskan dengan lebih terperinci dalam Bab Dua.

1.4 HIPOTESIS

Dengan mengaplikasi “teori persembahan”, kajian ini menegaskan bahawa asas kepada pembentukan teater “Bangsawan Sarawak” adalah teater “Bangsawan Tanah Melayu” yang dibawa ke negeri ini pada awal abad ke-20 oleh kumpulan-kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura. Justeru itu, kemunculan persembahan “Bangsawan Sarawak” adalah kesan daripada perubahan yang berlaku kepada persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”. Persembahan Bangsawan mengalami beberapa perubahan sejak 1930-an kesan daripada perubahan faktor persekitaran yang berlaku di Sarawak pada waktu itu. “Teori persembahan” mendapati faktor persekitaran mampu memberi kesan terhadap elemen-elemen *production mode* persembahan Bangsawan seperti penganjur, kewangan, tenaga produksi, gaya pengurusan dan tujuan penganjuran. Apabila faktor persekitaran berubah maka ia akan menjana perubahan dalam *production mode*. Perubahan elemen-elemen *production mode* ini kemudiannya mempengaruhi proses persembahan (*nest*) Bangsawan yang seterusnya mendorong perubahan dalam persembahan teater itu sendiri. Proses perubahan persembahan ini adalah justifikasi bagi kemunculan persembahan “Bangsawan Sarawak” pada Januari 2004.

Untuk mengkaji perkembangan dan perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak, tiga hipotesis dirangka berdasarkan “teori persembahan”. Perbincangan terhadap persembahan Bangsawan berdasarkan tiga hipotesis ini akan menghasilkan analisis yang bersifat sistematik terhadap perubahan persembahan Bangsawan sejak tahun 1914 hingga 2004. Pertama, faktor persekitaran yang merangkumi aspek ekonomi, politik dan sosial masyarakat adalah punca perubahan sesuatu persembahan.

Memandangkan persembahan adalah sebahagian daripada struktur budaya masyarakat, perubahan signifikan yang berlaku terhadap institusi ekonomi, politik dan sosial masyarakat sudah pasti meninggalkan kesan mendalam terhadap persembahan tersebut. Schechner mengistilahkan proses ini sebagai *a dynamic system yielding change* (Schechner 1985, ms. 123).

Kedua, *production mode* merupakan aspek persembahan yang mula-mula sekali dipengaruhi oleh perubahan faktor persekitaran. Dari segi persembahan Bangsawan, *production mode*nya terdiri daripada penganjur, kewangan, tenaga produksi, gaya pengurusan dan tujuan penganjuran. Apabila faktor persekitaran berubah, ia mampu membawa perubahan dalam elemen-elemen *production mode* secara berasingan tetapi elemen yang berubah itu akan mempengaruhi elemen lain dalam *mode* tersebut. Keperihalan ini disebabkan kesemua elemen *production mode* amat bergantung antara satu sama lain dan sama-sama penting kepada sesuatu persembahan (Schechner 1985, ms. 10). Justeru, perubahan terhadap salah satu elemen *production mode* akan memberi kesan terhadap persembahan.

Ketiga, *production mode* mempengaruhi sesebuah persembahan. Apabila *production mode* mengalami perubahan, ia bukan sahaja mempengaruhi proses-proses di sekitar dan di dalam sesebuah persembahan, malah ia turut memberi kesan terhadap bentuk teater itu sendiri (Schechner 1985, ms. 169). Untuk mengkaji kesan *production mode* terhadap sesuatu persembahan, Schechner (1985, ms. 168) membahagikan *nest* (istilah yang diberikan oleh Schechner untuk menggambarkan sesebuah persembahan) sesebuah teater kepada beberapa proses iaitu proses pra persembahan, proses berkumpul, proses pementasan dan proses bersurai². Kaedah analisis yang sama akan

dilakukan dalam kajian ini bagi menunjukkan hubung kait antara *production mode* dan persembahan Bangsawan.

1.5 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini menjelaskan perkembangan dan perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak daripada tahun 1914 hingga 2004. Untuk mencapai matlamat ini beberapa objektif khusus dirangka agar hipotesis kajian dapat diuji. Objektif pertama ialah mengenalpasti perubahan faktor persekitaran di Sarawak dalam mempengaruhi persembahan Bangsawan daripada tahun 1914 hingga 2004. Untuk mencapai objektif ini, analisis mengenai perubahan politik, ekonomi dan sosial masyarakat Melayu di Sarawak akan dilakukan secara mendalam. Langkah ini bertujuan meneliti pengaruh faktor persekitaran di Sarawak yang bertindak sebagai punca perubahan persembahan Bangsawan.

Objektif kedua kajian ini ialah untuk memperincikan elemen-elemen *production mode* dalam persembahan Bangsawan dan perubahan yang berlaku terhadapnya kesan daripada faktor persekitaran di Sarawak. Terlebih dahulu, setiap elemen *production mode* dalam persembahan Bangsawan seperti penganjur, kewangan, tenaga produksi, gaya pengurusan dan tujuan penganjuran akan dihurai secara terperinci. Kemudian, analisis mengenai perubahan yang berlaku terhadap *production mode* akibat perubahan faktor persekitaran akan dibincangkan.

Akhir sekali, objektif ketiga kajian ini ialah untuk mengupas perubahan persembahan Bangsawan yang didorong oleh perubahan *production mode*. Proses

persembahan Bangsawan terdiri daripada proses pra persembahan, proses berkumpul, proses pementasan dan proses bersurai. Setiap proses ini akan dihurai untuk memaparkan pengaruh perubahan *production mode* ke atas persembahan Bangsawan. Selain itu, perbincangan terhadap setiap satu proses ini akan menjelaskan aktiviti yang dilakukan oleh para penggiat dan penonton Bangsawan di Sarawak. Penghuraian terhadap aktiviti-aktiviti dalam persembahan “Bangsawan Tanah Melayu”, persembahan “Bangsawan Kampung”, persembahan Bangsawan 1980-an dan persembahan “Bangsawan Sarawak” bertujuan memaparkan perubahan persembahan Bangsawan sejak 1914 hingga 2004.

1.6 KAEDAH PENYELIDIKAN

Sehingga kini, penulisan-penulisan mengenai teater Bangsawan di Sarawak amat terhad dan hanya tertumpu kepada konvensi pementasan teater tersebut pada tahun 1950-an di Kuching. Kekurangan bahan untuk dijadikan rujukan dalam kajian ini menyebabkan kaedah penyelidikan utama kajian ini berbentuk *primary research*. Kaedah utama yang digunakan bagi memperolehi data bagi kajian ini adalah kaedah temu bual dan *content analysis*. Selain *primary research*, kajian ini juga bergantung kepada bahan-bahan sekunder yang agak terhad bilangannya.

1.5.1 Temu Bual

Kaedah temu bual merupakan kaedah utama dalam memperolehi data dalam kajian ini. Kaedah ini diaplikasi memandangkan penulisan atau kajian lepas mengenai sejarah dan bentuk persembahan Bangsawan di Sarawak amat terhad. Oleh yang

demikian, temu bual diadakan dengan tiga kategori responden iaitu tokoh-tokoh budayawan, penggiat-penggiat teater Bangsawan dan para peminat serta penonton persembahan Bangsawan di Sarawak. Responden kajian ini terdiri daripada kalangan kaum lelaki dan wanita Sarawak dalam lingkungan usia lewat dua puluh tahun hingga lewat tujuh puluh tahun.

Kategori pertama responden ialah tokoh-tokoh budayawan Sarawak seperti Maimunah Daud (Kuching), Hamdin bin Merais (Sibu), Mohd Hasbie Sulaiman (Kuching), Yusuf Mahmod (Bintulu), Yetni Adenan (Kuching), Obe Khaironi (Kuching) dan Ahmad bin Salleh (Lawas) (sila rujuk lampiran untuk maklumat lanjut mengenai responden-responden ini). Individu-individu ini sering dijadikan pakar rujuk dalam soal berkaitan dengan hal-hal kesenian di Sarawak, baik oleh pihak kerajaan ataupun penggiat teater tempatan. Sebagai autoriti dalam hal berkaitan dengan Bangsawan di Sarawak, sebilangan besar pakar budaya ini pernah menonton Bangsawan yang dipentaskan sekitar 1930-an. Malah, ada kalangan mereka yang turut terlibat secara langsung dalam pementasan Bangsawan. Tokoh-tokoh budayawan ini dirujuk untuk mendapatkan maklumat berhubung *production mode*, budaya dan suasana persembahan Bangsawan di kawasan masing-masing.

Temu bual juga dijalankan dengan para penggiat Bangsawan yang terdiri daripada tauke, penganjur, pengurus, pereka cerita, pengarah, *program master*, pelakon, penyanyi, penari, pemuzik, dan krew produksi. Antara penggiat Bangsawan yang ditemu bual ialah Obe Khaironi (pemuzik tambahan Sri Nooran Opera of Malacca; pengurus dan pemuzik persembahan Sekolah Anchi, Miri); Mathan Husein (pelakon dan krew produksi Kumpulan Bangsawan Comical Opera); Yusuf bin Merais

(pengurus, pereka cerita, *program master* dan pengarah lakon Melati Hadrah, Sibul); Hamdin bin Merais (pelakon persembahan Bangsawan Melati Hadrah, Sibul); Sahran bin Yunus (pengurus dan krew produksi persembahan Bangsawan Malay Union Club, Sibul); Aini bin Yunus (pelukis set dan pemuzik Bangsawan Malay Union Club, Sibul); Abang Latif bin Abang Haron (tenaga produksi dan pemusik Bangsawan Malay Union Club, Sibul); Rahimah binti Udin (pelakon Bangsawan Melati Hadrah, Sibul); Laila Thambi (penggiat kumpulan Bangsawan, Bintulu); Rosnah Sudin (penggiat kumpulan Bangsawan, Bintulu); Abang Kasim bin Abang Safuani (pelakon, pemusik Bangsawan MBHT Kuching); Dayang Khadijah binti Abang Safuani (penari *extra turn* Bangsawan MBHT, Kuching); Dayang Lela Zawawi (penyanyi dan juru tari *extra turn* Bangsawan MBHT, Kuching); Kasdi Merican (pelakon dan penyanyi *extra turn* Kuching); Sarbanun Merican (pelakon dan penyanyi *extra turn* Kuching); Mohamed Hasbie Sulaiman (pereka cerita, pengarah dan ketua artistik Bangsawan, Kuching); Yetni Adenan (pengurus, pelakon dan pelawak Bangsawan, Kuching); Mohd Hasim bin Osman (juru tari MBHT, Kuching); Ahmad Beduwi Narawi (pelakon dan pengarah Bangsawan di Kuching); A. B. Nor (penulis skrip, pengurus, pengarah dan pelakon Bangsawan di Kuching); Kassim Daud (pelakon dan pengurus Bangsawan di Kuching); Roslina Narawi (pelakon Bangsawan dan juru solek pada tahun 1980-an di Kuching); Rahamah Akhbar (penari, penyanyi, juru tari *extra turn* Bangsawan di Kuching); Hazis Wahab (pelakon, tenaga produksi Bangsawan di Kuching); Sabtuyah Bolhi (pengurus, pelakon dan tenaga produksi Bangsawan di Kuching); dan lain-lain lagi (sila rujuk lampiran untuk maklumat lanjut mengenai responden-responden ini). Temu bual dengan penggiat-penggiat ini dijalankan untuk memperolehi maklumat mengenai *production mode* dan amalan-amalan dalam persembahan Bangsawan pada era-era tertentu.

Kategori responden yang ketiga ialah golongan peminat atau penonton Bangsawan yang pernah menyaksikan persembahan Bangsawan sejak 1930-an hingga 2004. Golongan peminat atau penonton Bangsawan ini ditemu bual bagi memperolehi data mengenai suasana dan budaya persembahan Bangsawan daripada perspektif penonton. Antara peminat atau penonton Bangsawan yang ditemu bual dalam kajian ini adalah Zainab Obel (Kuching), Maimunah Daud (Kuching), Saniah Han (Kuching), Obe Khaironi (Kuching), Ahmad bin Philip Adams (Kuching), A. B. Nor (Kuching), Ahmad Beduwi Narawi (Kuching), Abang Daud (Sibu), Mordiah Sebli (Sibu), Deli bin Sabtu (Sibu), Abdul Haris (Sibu), Aripin Abdul Rahim (Sibu), Laila Thambi (Bintulu), Siti Rogayah (Bintulu) dan Mohd Kasim Latif (Bintulu).

Melalui kaedah temu bual ini, soalan-soalan bersifat terbuka (*open-ended*) dikemukakan kepada para responden. Selain mengemukakan soalan-soalan yang telah disediakan lebih awal, penulis turut mengajukan soalan tambahan berdasarkan maklumat yang diberikan oleh responden. Antara soalan umum yang dikemukakan kepada responden kajian ini ialah,

Jadual 1.1: Soalan Umum yang Dikemukakan kepada Responden

1	Apakah latar belakang responden?
2	Bilakah kali pertama responden menonton persembahan Bangsawan?
3	Siapakah yang bertanggungjawab mementaskan Bangsawan ketika itu?
4	Bagaimanakah pementasan Bangsawan diwar-warkan?
5	Apakah amalan menonton Bangsawan pada ketika itu?
6	Seawal bilakah kerja-kerja persembahan Bangsawan dimulakan?
7	Berapakah harga tiket?
8	Apakah amalan pementasan Bangsawan ketika itu?
9	Apakah amalan memasuki panggung ketika itu?
10	Apakah jenis tempat duduk penonton yang disediakan?"

11	Apakah jenis cerita yang dipersembahkan?
12	Siapakah yang mengarang cerita?
13	Apakah jenis acara dalam <i>extra turn</i> ?
14	Berapa lamakah sesi latihan lakonan diadakan?
15	Apakah kaedah latihan lakonan yang digunakan?
16	Apakah perkara yang paling menarik dalam persembahan Bangsawan pada ketika itu?
17	Siapakah pelakon Bangsawan yang paling diminati ketika itu?
18	Berapakah jangka masa persembahan Bangsawan?
19	Bagaimanakah persembahan Bangsawan ditamatkan?

Kesemua soalan ini dikemukakan tanpa mengikut urutan tetap dan disesuaikan dengan kategori responden yang ditemu bual.

Kesemua informasi verbal dirakam, ditranskripsi dan dianalisis sebagai bahan kajian. Sesetengah responden kajian juga berkongsi maklumat dalam bentuk gambar-gambar (pementasan, proses pelaksanaan tugas, sesi latihan atau barisan tenaga produksi persembahan Bangsawan) dan atur cara program persembahan Bangsawan. Selain daripada temu bual dan gambar, para responden juga kadang kala diminta menerangkan sesuatu maklumat dalam bentuk lakaran, nyanyian, pergerakan tubuh, tarian dan ucapan dialog, terutamanya maklumat-maklumat yang berkaitan dengan aspek artistik. Sekiranya terdapat percanggahan dalam maklumat yang diperolehi, para responden yang terlibat dihubungi semula untuk pengesahan. Kaedah *triangulation*³ juga diguna pakai bagi mengesahkan dapatan kajian. Melalui kaedah *triangulation* ini, pengesahan data kajian dilakukan dengan mendapatkan kenyataan yang sama oleh sekurang-kurangnya tiga responden yang berlainan pada masa dan tempat yang berbeza. Untuk mengukuhkan lagi dapatan kajian, maklumat yang diperolehi melalui sesi temu

bual ini dibandingkan pula dengan data yang diperolehi daripada sumber lain seperti gambar, akhbar, buku, jurnal, bahan arkib dan buku atur cara Bangsawan.

1.5.2 *Content Analysis*

Kaedah ini digunakan untuk meneliti bahan-bahan primer dan sekunder seperti keratan akhbar, catatan rasmi kerajaan negeri Sarawak (Sarawak Gazette), buku, jurnal, rakaman video, buku-buku program, laporan bengkel/seminar/persembahan Bangsawan dan gambar. Bahan-bahan perpustakaan yang dikaji ini meliputi maklumat mengenai persembahan Bangsawan, latar persekitaran (politik, ekonomi dan sosial) Sarawak (1914 hingga 2004) dan “teori persembahan” Schechner.

Kajian perpustakaan dijalankan di beberapa buah perpustakaan iaitu Arkib Negeri Sarawak; Perpustakaan Negeri Sarawak; Perpustakaan Dewan Bahasa dan Pustaka Cawangan Negeri Sarawak; Perpustakaan Pejabat Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Sarawak; Perpustakaan (bahagian dokumentasi) Bahagian Kebudayaan, Kementerian Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, di Kuching, Sibul, Bintulu dan Miri; Perpustakaan Universiti Malaysia Sarawak; Bahagian Dokumentasi Pejabat Pendaftaran Pertubuhan Negeri Sarawak; Bahagian Dokumentasi Medan Teater Sarawak; Perpustakaan Universiti Sains Malaysia; Perpustakaan Negara, Kuala Lumpur; Arkib Negara, Kuala Lumpur; Perpustakaan Universiti Kebangsaan Malaysia; dan Perpustakaan Universiti Malaya.

1.6 KEPENTINGAN KAJIAN

Kajian mengenai persembahan Bangsawan di Sarawak ini adalah penting kerana belum terdapat lagi kajian secara mendalam dilakukan terhadap teater Bangsawan di Sarawak setakat ini. Perihal kegiatan Bangsawan di Sarawak dari mula ianya dibawa masuk oleh kumpulan Bangsawan dari Tanah Melayu dan Singapura, hingga pementasan terkini pada 2004 akan terkubur oleh arus peredaran zaman sekiranya kajian ini tidak dijalankan dengan segera. Justeru, pelaksanaan kajian ini adalah tepat pada masanya untuk merakamkan sejarah perkembangan teater Bangsawan di Sarawak.

Selain merekodkan sejarah perkembangan Bangsawan di Sarawak, kajian ini juga adalah penting kerana ia mampu menjelaskan perdebatan yang timbul dalam kalangan penggiat teater di Sarawak terhadap keunikan teater “Bangsawan Sarawak”. Sejak awal 1980-an, teater Bangsawan didakwa sebagai salah sebuah seni persembahan tradisi masyarakat Melayu Sarawak (Bernard Naub 19 Ogos 1982; ms. 12). Bagi membuktikan kesahihan dakwaan ini, kajian ini akan mengemukakan susur galur teater Bangsawan di Sarawak dan faktor-faktor yang mempengaruhi perkembangan dan perubahan persembahannya sehingga awal abad ke-21. Fakta-fakta yang dikemukakan dalam kajian ini diharap dapat menjernihkan kekeliruan berhubung teater Bangsawan di Sarawak.

Sehingga kini belum terdapat sebarang kajian seni persembahan di Malaysia, yang mengaplikasi “teori persembahan” yang dikemukakan oleh Richard Schechner (1988). Kajian ini merupakan perintis kepada pengaplikasian “teori persembahan” ke atas sebuah teater Melayu yang bersifat transisi khususnya teater Bangsawan di

Sarawak. Selain daripada menguji kesesuaian “teori persembahan” dalam mengkaji teater Melayu, kajian ini mampu mendorong pengaplikasian “teori persembahan” ke atas genre-genre seni persembahan lain di Malaysia.

Akhir sekali, kajian terhadap persembahan Bangsawan di Sarawak ini diharap dapat bertindak sebagai pemangkin kepada kajian-kajian baru mengenai seni persembahan di negeri ini dan Malaysia amnya. Memandangkan Sarawak mempunyai khazanah seni persembahan yang masih belum diselongkar dan dikaji secara mendalam, kajian ini diharap dapat membangkitkan minat para penyelidik daripada dalam dan luar negara untuk mengkaji pelbagai genre seni persembahan di Sarawak.

1.7 GELINTIRAN KESUSASTERAAN

Terdapat banyak penulisan dalam bentuk buku dan artikel yang membincangkan mengenai teater Bangsawan di Malaysia dan Singapura (A. H. Edrus 1960; Mustafa Kamil Yassin 1974; Rahmah Bujang 1975, 1989; Cantius Leo Cameons 1981; Abdul Rahman Napiah 1987; Wan Abdul Kadir 1988; Nur Nina Zurah 1992; Ghulam Sawar Yousof 1992; Tan Sooi Beng 1993; Abdul Samat Salleh 1996; Maimunah 1993, 1999; Mohamed Ghouse Nassaruddin 2000; Nur Afifah Vanitha Abdullah 2003). Penulisan-penulisan ini membincangkan pelbagai aspek yang berkaitan dengan seni persembahan Bangsawan yang merangkumi soal penapakan; perkembangan; genre; penggiat; pengurusan dan pementasan seperti struktur dramatik, muzik, ritual dan lakonan.

Walaupun bilangan dan aspek pengkajian Bangsawan di Malaysia agak membanggakan, kebanyakannya lebih cenderung membincangkan perkembangan teater

Bangsawan di Tanah Melayu. Manakala, bilangan penulisan dan kajian lepas mengenai teater Bangsawan di Sarawak pula amat terhad dan hanya tertumpu kepada aspek sejarah dan bentuk persembahan Bangsawan di kawasan Kuching semata-mata (Maimunah 1993, 1999; Nur Afifah Vanitha Abdullah 2003). Justeru, terdapat jurang ilmu dari segi perkembangan Bangsawan di kawasan-kawasan lain di Sarawak sejak awal kemasukan teater ini hingga pementasannya yang terakhir pada 2004. Kajian ini dibentuk bagi mengisi kekurangan ini.

Pada umumnya, penulisan-penulisan lepas mengenai Bangsawan di Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak dapat dibahagikan kepada dua. Kategori pertama merangkumi penulisan-penulisan yang secara khusus mengkaji peranan faktor persekitaran dalam mempengaruhi kemunculan, perubahan, perkembangan, pemeliharaan atau kemerosotan Bangsawan. Kategori kedua pula merangkumi penulisan-penulisan yang kurang memberi fokus terhadap faktor persekitaran sebagai entiti penting yang mempengaruhi persembahan Bangsawan.

Daripada bilangan penulisan Bangsawan yang banyak, hanya empat penulisan sahaja yang dapat dikategorikan dalam bahagian pertama. Penulisan tersebut dihasilkan oleh Tan Sooi Beng (1993), Nur Nina Zuhra (1992), Wan Abdul Kadir (1988), dan Cantius Leo Cameons (1981). Kesemua penulisan ini hanya membincangkan Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura dengan memberi tumpuan kepada peranan faktor persekitaran dalam mempengaruhi kemunculan, perkembangan, perubahan, pemeliharaan dan kemerosotan teater ini. Tumpuan khusus diberikan kepada keempat-empat penulisan ini kerana kajian ini turut mengambil kira faktor persekitaran sebagai

punca yang menyebabkan berlakunya perubahan terhadap persembahan Bangsawan di Sarawak.

Tan Sooi Beng (1993) dalam '*A Social and Stylistic History of Popular Malay Opera*' memberi tumpuan terhadap hubungan antara bentuk dramatik serta stail muzik Bangsawan dengan proses politik, sosial dan budaya masyarakat Tanah Melayu sejak awal kurun ke-20 hingga tahun 1980-an. Selain itu, Tan turut membincangkan kelahiran Bangsawan, ciri-ciri teater ini, kemerosotan dan pemeliharaan semula seni persembahan transisi ini. Walaupun Tan mengesahkan bahawa faktor persekitaran seperti perkembangan sosial dan politik adalah penting dalam membentuk hala tuju dan ciri Bangsawan, beliau berpendapat bahawa aspek ini bukan satu-satunya jawapan kepada kesinambungan dan perubahan Bangsawan. Beliau berpendapat bahawa para penggiat Bangsawan yang kreatif dan inovatif turut berperanan dalam mempengaruhi perubahan teater ini. Tambah Tan lagi, para penggiat Bangsawan didorong oleh kekangan dari segi sosio-ekonomi, politik, struktural dan sejarah untuk melakukan perubahan terhadap teater Bangsawan. Walaupun pendekatan kajian Bangsawan di Sarawak ini mempunyai persamaan dengan pendekatan kajian Tan, subjek yang menjadi fokus kedua-dua kajian ini adalah jauh berbeza. Jika subjek kajian Tan ialah Bangsawan di Tanah Melayu, subjek kajian ini pula ialah Bangsawan di Sarawak. Dengan kata lain, kajian ini bertindak sebagai lanjutan kepada penulisan Tan yang akhirnya melengkapkan kajian mengenai Bangsawan di Malaysia.

Nur Nina Zuhra (1992), dalam '*An Analysis of Malay Modern Drama*' pula menggunakan pendekatan sejarah dan sosiologi bagi meneliti perubahan drama moden Melayu. Menurut Nur Nina, drama moden Melayu berkembang melalui tiga fasa utama,

iaitu Sandiwara, drama moden dan teater eksperimental. Drama moden Melayu, menurut penulisan ini mengalami tiga fasa perubahan hasil dorongan faktor persekitaran (sosial, politik, ekonomi, budaya dan pendidikan) yang berlaku pada waktu-waktu tertentu di Semenanjung Malaysia (Tanah Melayu sebelum 31 Ogos 1957). *Bangsawan*, pada pendapat Nur Nina, adalah sebuah teater transisi yang wujud sebelum drama Sandiwara. Nur Nina berpendapat gabungan ciri teater tradisional dan moden yang terdapat pada *Bangsawan* adalah hasil daripada pengaruh faktor persekitaran masyarakat pada waktu itu. Sebagai sebuah teater transisi, Nur Nina tidak membincangkan teater *Bangsawan* dengan lebih mendalam kerana ia bukanlah fokus utama kajiannya. Kajian persembahan *Bangsawan* di Sarawak adalah berbeza dengan penulisan Nur Nina dari segi fokus kajiannya. Jika Nur Nina hanya membincangkan perkembangan *Bangsawan* di Tanah Melayu sebagai sebuah persembahan yang muncul sebelum kedatangan drama moden Melayu, kajian *Bangsawan* di Sarawak pula memfokus perbincangan mengenai teater ini secara menyeluruh dengan memberi tumpuan khusus terhadap peranan faktor persekitaran terhadap perkembangannya.

Wan Abdul Kadir (1988) dalam 'Budaya Populer Dalam Masyarakat Melayu Bandaran' pula menggunakan pendekatan sejarah dan sains sosial dalam mengkaji perkembangan budaya masyarakat Melayu bandar di Tanah Melayu daripada tahun 1870 hingga 1940. Menurut Wan, perubahan masyarakat Melayu tradisional dan perkembangan bandar-bandar koloni di bawah pemerintahan British adalah faktor utama yang mendorong perkembangan pelbagai jenis hiburan popular pada waktu itu. Dalam penulisan ini, Wan turut membincangkan mengenai hubungan pengusaha, artis, artifak dan penonton dalam setiap genre hiburan popular di Tanah Melayu seperti *Bangsawan*, muzik, tarian, filem dan radio. Dalam konteks *Bangsawan*, penulisan ini menegaskan

bahawa pengusaha dan artis mengekalkan beberapa ciri tradisional persembahan Melayu sambil menyesuaikan kegiatannya dengan aspek-aspek teater moden. Wan Abdul Kadir juga menegaskan bahawa faktor persekitaran mempunyai pengaruh kuat terhadap kegiatan Bangsawan. Dorongan faktor persekitaran ini menyebabkan teater Bangsawan dijalankan secara profesional dan komersil (publisiti dilaksanakan; tiket mula dijual; dan persembahannya sering disesuaikan dengan selera penonton). Kaedah-kaedah ini dilaksanakan agar Bangsawan kekal sebagai hiburan popular dalam kalangan masyarakat Melayu bandar yang terdedah kepada unsur-unsur budaya Barat. Wan Abdul Kadir menyediakan kefahaman menyeluruh terhadap kesan faktor persekitaran terhadap hubungan pengusaha, artis, artifak dan penonton Bangsawan di Tanah Melayu. Pendekatan holistik yang dilakukan oleh Wan Abdul Kadir dalam kajiannya akan diguna pakai dalam kajian perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak. Pendekatan sebegini diharap dapat menyediakan gambaran yang menyeluruh bukan sahaja terhadap asas persembahan Bangsawan malah kefahaman yang mendalam terhadap proses persembahan Bangsawan di Sarawak.

Cantius Leo Cameons (1981) dalam tesis sarjananya yang bertajuk '*History And Development of Malay Theatre*' pula memerincikan perkembangan dan perubahan teater Melayu di Malaysia daripada bentuk tradisional ke moden. Cameons merupakan pengkaji pertama yang melabel Bangsawan sebagai teater transisi kerana ia terdiri daripada elemen-elemen teater tradisional dan teater moden. Penulisan ini antara lain mengkaji peranan faktor sosial dan budaya masyarakat dalam menjana perubahan teater Melayu. Selain faktor sosial dan budaya, penulisan ini juga mendapati bahawa penonton (bukannya tuntutan artistik semata-mata) turut mempunyai peranan dalam mempengaruhi aspek-aspek pementasan Bangsawan. Hal ini memberi kefahaman yang

jelas bahawa bentuk persembahan *Bangsawan* di Tanah Melayu amat dipengaruhi oleh tujuan penganjurannya, iaitu meraih keuntungan. Secara keseluruhan, penulisan ini membuktikan bahawa faktor persekitaran mempunyai peranan penting dalam mempengaruhi kemunculan dan bentuk sesebuah teater.

Sementara itu, penulisan-penulisan yang tergolong dalam kategori kedua pula boleh dibahagikan kepada dua tema iaitu 1) pertumbuhan dan kegiatan *Bangsawan*; dan 2) konvensi *Bangsawan*. Penulisan-penulisan yang membincangkan mengenai pertumbuhan dan kegiatan *Bangsawan* akan dibincangkan terlebih dahulu (A.H. Edrus (1960), Rahmah (1975), Abdul Rahman Napiah (1987), Maimunah Daud (1993; 1999)⁴ dan Nur Afifah Vanitha Abdullah (2003)).

Penulisan A.H. Edrus bertajuk '*Persuratan Melayu III: Drama dan Perkembangan Bahasa Melayu*' merupakan tulisan pertama yang mencatatkan perihal penapakan dan perkembangan *Bangsawan* dalam kalangan masyarakat Melayu di Tanah Melayu. Fokus penulisan ini adalah cerita pelbagai genre persembahan seperti *Tonel*, *Sandiwara*, teks drama radio *Sandiwara* dan *Bangsawan*. Dari aspek cerita *Bangsawan*, Edrus menyatakan bahawa cerita-cerita yang dipentaskan dalam persembahan *Bangsawan* mengisahkan perihal kayangan yang disulami dengan nyanyian. Penulisan ini juga turut membincangkan beberapa buah kumpulan *Bangsawan* yang terkemuka di Tanah Melayu dan Singapura misalnya *Wayang Kasim*, *Bangsawan Zanibar Royal Theatrical Company of Singapore* dan *Yap Chow Tong Opera*; dan penggiat *Bangsawan* terkenal seperti *Aman Belon*, *Khairuddin Thairo* dan *Wan Yet Al-Kaf*. Selain itu saiz, corak budaya, gaya pengurusan dan aspek-aspek pementasan kumpulan-kumpulan *Bangsawan* Tanah Melayu turut diperkatakan oleh Edrus. Secara ringkas,

penulisan ini agak signifikan kepada kajian perkembangan dan perubahan persembahan Bangsawan di Sarawak kerana ia menyediakan gambaran tentang jenis dan peranan tauke Bangsawan dalam kegiatan teater ini. Selain itu juga, penulisan ini membincangkan secara mendalam corak budaya dan kegiatan Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura ketika kesenian ini memasuki Sarawak pada awal kurun ke-20. Informasi-informasi yang dikemukakan dalam tulisan ini dapat dijadikan sandaran untuk membincangkan persembahan “Bangsawan Tanah Melayu” di Sarawak.

Penulisan Rahmah Bujang (1975) yang bertajuk ‘Sejarah Perkembangan Drama Bangsawan Di Tanah Melayu dan Singapura’ pula merupakan antara penulisan ilmiah terawal mengenai Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura. Rahmah juga merupakan antara sarjana teater di Malaysia yang menggolongkan Bangsawan di bawah kategori teater tradisional Melayu. Dengan berpegang kepada “teori ritual”, Rahmah menjejaki asal usul, penapakan, perkembangan dan kemerosotan Bangsawan daripada lewat abad ke-19 hingga tahun 1940-an. Di samping itu, aspek pementasan seperti lakonan improvisasi; bentuk plot cerita; nyanyian dalam babak dan antara babak; amalan buka panggung; dan pentas dibincangkan secara terperinci untuk memaparkan ciri teater tradisional yang ada pada teater Bangsawan. Penulisan ini adalah penting kerana ia menyediakan gambaran menyeluruh berhubung sejarah dan bentuk persembahan Bangsawan di Tanah Melayu dan Singapura sebelum kemasukan teater ini ke Sarawak. Justeru, penulisan ini menjadi salah satu bahan rujukan utama bagi membincangkan aspek sejarah dan bentuk persembahan “Bangsawan Tanah Melayu” yang memasuki Sarawak pada awal kurun ke-20.